

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN LARRY SOON @ LARRY  
SNG WEI SHIEN [JULAU]**

**TARIKH** : **19 MAC 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 9**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perancangan-perancangan Kementerian untuk memastikan alam semula jadi Malaysia terpelihara, terutamanya dalam isu pemanasan global yang berlaku pada ketika ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi memastikan alam sekitar Malaysia terpelihara, terutamanya dalam isu pemanasan global yang berlaku pada ketika ini, aktiviti penguatkuasaan kepada punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya yang berkaitan pelepasan gas rumah kaca seperti karbon dioksida (CO<sub>2</sub>), metana (CH<sub>4</sub>), nitrus oksida (N<sub>2</sub>O), ozon (O<sub>3</sub>), klorofluorokarbon (CFC) dan hidrofluorokarbon (termasuk HCFC dan HFC) telah dilaksanakan.

2. Di samping itu, kementerian turut melaksanakan program-program kesedaran alam sekitar melalui sambutan Hari Alam Sekitar Negara, Hari Bumi dan Hari Ozon yang menumpukan kepada kumpulan sasaran seperti pihak industri, pelajar, organisasi dan orang awam.

3. Di peringkat antarabangsa, Malaysia dan 195 negara lain telah mempersetujui *Paris Agreement* semasa Persidangan Ke-21 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) pada 12 Disember 2015 sebagai usaha peringkat global untuk menangani isu perubahan iklim. Matlamat utama *Paris Agreement* adalah untuk menghadkan peningkatan suhu purata dunia kepada 1.5 atau 2.0 darjah Centigrade. Malaysia telah menandatangani *Paris Agreement* pada 22 April 2016 dan meratifikasikan perjanjian ini pada 16 November 2016.

4. Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan *green house gas* (GHG) berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) sebanyak 45% berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang tahun 2030 seperti yang dinyatakan dalam *nationally determined contributions* (NDC). Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35% akan dilaksanakan tanpa syarat (*unconditional*) manakala baki 10% lagi adalah bersyarat (*conditional*), iaitu tertakluk kepada penerimaan peruntukan kewangan, pemindahan teknologi, dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

5. Bagi mencapai sasaran NDC tersebut, Malaysia telah melaksanakan pelbagai tindakan mitigasi pengurangan pelepasan GHG yang merangkumi pelbagai sektor penting seperti sektor tenaga, pengangkutan, sisa pepejal, proses industri dan pertanian. Dalam masa yang sama, negara juga telah mengenal pasti tindakan-tindakan mitigasi pengurangan pelepasan GHG baru yang berpotensi untuk dilaksanakan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.